

CANDAZOLE SOLUTION

Clotrimazole (1% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Candazole Solution
2. Bagaimana Candazole Solution berfungsi?
3. Sebelum mengambil Candazole Solution
4. Cara menggunakan Candazole Solution
5. Semasa menggunakan Candazole Solution
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Candazole Solution
8. Maklumat lanjut
9. Pengilangan dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Candazole Solution. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Candazole Solution berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Candazole Solution

Candazole Solution digunakan untuk merawat jangkitan kulat pada kulit akibat dermatofit (*dermatophytes*), *yis*, *moulds* dan kulat lain.

Bagaimana Candazole Solution berfungsi

Candazole Solution mengandungi bahan aktif Clotrimazole.

Clotrimazole ialah ejen imidazole antikulat dengan spectrum luas yang digunakan untuk merawat penyakit kulat.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum mengambil Candazole Solution

-Bila tidak boleh mengambil
Jangan mengambil Candazole Solution sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada Clotrimazole atau kepada apa-apa bahan lain di dalam ubat ini.

-Sebelum mula mengambil

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada Clotrimazole atau kepada apa-apa bahan lain di dalam ubat ini.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tiada rekod menunjukkan ubat ini selamat digunakan semasa kehamilan dan laktasi (penyusuan).
- Clotrimazole boleh digunakan semasa mengandung, tetapi hanya di bawah pengawasan seorang doktor atau bidan.
- Keputusan mesti sama ada untuk meneruskan penyusuan atau menghentikan / menahan diri daripada terapi Clotrimazole dengan mengambil kira manfaat menyusukan bayi dan faedah terapi untuk ibu yang menyusukan.
- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusukan badan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Cara menggunakan Candazole Solution

-Berapa banyak harus digunakan

Larutan hendaklah disapu secara nipis 2 atau 3 kali sehari pada bahagian jangkitan dan gosok perlahan-lahan.

Beberapa titis cukup untuk merawat kawasan kira-kira saiz tangan.

Tiada jadual dos berasingan untuk warga tua atau muda.

-Bila perlu digunakan

Gunakan selepas mencuci dan mengeringkan bahagian jangkitan.

-Berapa lama perlu digunakan

Untuk mengelakkan jangkitan berulang, rawatan perlu diteruskan untuk sekurang-kurangnya 2 minggu selepas semua tanda-tanda jangkitan telah hilang.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada risiko keracunan akibat pengambilan larutan tertentu seperti alkohol secara berlebihan yang mungkin berlaku berikutan penggunaan tunggal pada kulit (penggunaan pada bahagian jangkitan yang luas yang menggalakkan penyerapan) atau pengambilan oral yang tidak disengajakan. Tiada penawar khusus.

CANDAZOLE SOLUTION

Clotrimazole (1% w/v)

Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku pengambilan oral tidak sengaja, langkah-langkah rutin seperti cuci gaster/perut (*lavage gastric*) harus dilakukan hanya jika gejala klinikal berlebihan menjadi ketara (seperti pening, loya atau muntah-muntah). *Lavage gastric* perlu dilakukan hanya jika saluran udara boleh dilindungi secukupnya.

Semasa menggunakan Candazole Solution

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Candazole Solution.

Perhatian kepada kebersihan adalah penting dalam pengurusan penyakit kulit, terutamanya pada lipatan kulit dan kaki.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Candazole Solution bagi kegunaan luaran sahaja. Larutan ini tidak boleh dimakan. Jika anda tidak sengaja termakan, sila menghubungi doktor dengan segera atau hubungi Jabatan Kemalangan and Kecemasan hospital terdekat. Jika anda tidak sengaja terkena larutan di mata atau mulut, bilas segera dengan air dan hubungi doktor anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan terkena pada mata (untuk kegunaan luar sahaja).

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Candazole Solution boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan, sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan.

Oleh kerana kesan yang tidak diingini adalah berdasarkan kepada laporan spontan oleh itu, adalah sukar untuk memberikan frekuensi

tepat untuk setiap kesan sampingan yang mungkin berlaku.

Gangguan sistem imunisasi:

- Alahan (pengsan, tekanan darah rendah, sukar bernafas, dan gatal-gatal)

Gangguan pada kulit:

- Melepuh
- Rasa pedih
- Bengkak pada anggota badan
- Kulit kemerahan
- Kerengsaan
- Pengelupasan
- Rasa gatal yang menyebabkan keinginan untuk menggaru
- Ruam
- Rasa terbakar

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Candazole Solution

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna

Candazole Solution adalah larutan jernih, tidak berwarna, sedikit likat dengan bau tertentu.

Candazole Solution boleh didapati dalam botol kaca 10ml.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:
Setiap botol mengandungi Clotrimazole 1% w/v.

-Bahan-bahan tidak aktif:
Sodium Hydroxide, Ethylcellulose, Acrylates/Octylacrylamide Copolymer, Purified Water, Alcohol.

-Nombor MAL:

MAL14055164XZ

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Tarikh kemaskini RiMUP

22/06/2017

Nombor Siri:

BPFK(R4/1)21062017/00145